

PENULISAN LIRIK LAGU MALIQUE: SATU ANALISIS RETORIK MODEN

MALIQUE'S SONG LYRICS WRITING: A MODERN RHETORICAL ANALYSIS

Ahmad Wafi bin Yunus¹, Siti Zubaidah binti Raja Mhd Shahnuddin²

ABSTRAK

Gaya bahasa retorik merupakan seni pemilihan bahasa secara menyeluruh dalam menyampaikan sesuatu maksud atau tujuan dengan lebih efektif agar dapat mempengaruhi emosi dan pemikiran orang ramai. Kajian-kajian lepas yang terlalu memfokuskan kepada analisis lirik secara semantik serta stigma masyarakat terhadap kualiti penulisan lirik lagu rap di Malaysia telah membuka ruang kepada pencarian objektif kajian ini iaitu bagi meneroka teknik penulisan retorik moden Enos dan Brown (1993) dalam lirik lagu Malique: Pejamkan Mata (2016). Kajian ini juga memfokuskan terhadap aspek gaya bahasa retorik moden dalam penulisan lirik lagu Malique yang dikaji. Hasil kajian yang menggunakan kaedah analisis tekstual secara kualitatif serta berlandaskan teori retorik moden Enos dan Brown (1993) mendapati bahawa kesemua empat jenis retorik moden: retorik naratif, retorik pemerian, retorik eksposisi dan retorik penghujahan telah digunakan dalam lagu yang dikaji. Lagu Pejamkan Mata (2016) lebih banyak menggunakan retorik pemerian jenis imaginatif. Cadangan kajian adalah supaya kajian terhadap penulisan lirik rap artis Malaysia dijalankan dengan lebih serius kerana jika dilihat secara mendalam, irama rap merupakan genre yang sangat mementingkan kualiti dalam penulisan liriknya.

Kata kunci: *Gaya bahasa, Retorik, Lirik lagu, Rap*

ABSTRACT

The rhetorical language style is the art of language selection as a whole in conveying meaning or purpose more effectively in order to influence people's emotions and thoughts. Past studies that focus too much on the semantic analysis of lyrics, as well as society's stigma on the quality of writing rap song lyrics in Malaysia, have opened space to search for the research objective which is to explore the modern rhetorical writing technique of Enos and Brown (1993) in the lyric of Malique's song: Pejamkan Mata (2016). This study also focuses on the aspects of modern rhetorical language style in Malique's lyrics writing of the said song. The results of a study that uses qualitative textual analysis methods and based on the modern rhetoric theory of Enos and Brown (1993) found that all four types of modern rhetoric: narrative rhetoric, descriptive rhetoric, expository rhetoric, and argumentative rhetoric have been used in a song studied. The song Pejamkan Mata (2016) uses more descriptive-imaginative rhetoric. The study suggests that the study of Malaysian artists' rap lyrics should be carried out more serious and in-depth because rap is a genre that places great importance on the quality of lyric writing.

Keywords: *Language style, Rhetoric, Song lyric, Rap*

Pengenalan

Bermula dengan penyampaian ucapan pemimpin-pemimpin terkenal dalam kelompok masyarakat kulit hitam di Amerika, sejarah muzik rap atau hip-hop dapat dijejak seawal tahun 70-an lagi di kawasan Bronx di New York. Menurut Noorhaqmal Mohammed Noor (2022), konsep berucap yang seakan mendeklamasi sajak ini penuh dengan penggunaan rima dan bahasa retorika, yang disatukan lagi dengan irama muzik rentak *Rythm and Blues (RnB)*. Ia bertujuan untuk menaikkan semangat kelompok masyarakat mereka yang ditindas dari segi sosial, budaya dan ekonomi pada ketika itu. Proses eksperimentasi melalui penggabungan ucapan dan rentak muzik ini menyebabkan terhasilnya satu genre yang digelar hip-hop.

Di Malaysia, muzik rap sebenarnya sudah menyusul masuk seawal tahun 80-an lagi, namun kurang mendapat sambutan oleh industri muzik tempatan kerana pengaruh muzik rock yang lebih mendapat tempat dalam kalangan generasi muda ketika itu. Sekitar tahun 1992, muzik rap mula mendapat perhatian apabila lahirnya artis rap yang bergerak secara berkumpulan seperti 4U2C dan KRU. Menjelang tahun 1994 pula, kewujudan kumpulan Nico menghangatkan lagi suasana muzik rap tempatan. Pada asalnya, muzik rap hanya terkenal dalam arena muzik *underground* sahaja, sehinggalah munculnya kumpulan Too Phat dianggotai Malique dan Joe Flizzow yang telah berjaya membawa muzik rap ke peringkat yang lebih tinggi (Noorhaqmal Mohammed Noor, 2022).

Salah seorang ahlinya, Malique Ibrahim atau nama sebenar Chairel Edrin bin Ibrahim digelar sebagai *'Mr. General'* dalam kalangan peminatnya (Mustazah GP, 2019). Dilahirkan pada 21 Ogos 1977, rapper kelahiran Johor ini telah menghasilkan tiga buah album secara solo, iaitu *O.K* (2008), *K.O The Mixtape* (2009), dan *TKO: Pejamkan Mata* (2016). Meskipun telah jarang memunculkan diri beliau di depan media, namun sehingga hari ini Malique masih lagi giat berkarya sebagai seorang penyanyi rap, komposer lagu, dan juga penulis lirik di bawah syarikat rakaman miliknya sendiri iaitu *Qarma Musiq*.

Pemilihan kata dalam lirik Malique mengandungi makna yang sangat mendalam dan sering merangkumi topik yang berat berkaitan dengan isu semasa, isu kemanusiaan, spiritualiti, dan kesihatan mental. Penulisan lirik beliau juga menggambarkan kecintaannya yang mendalam terhadap ilmu pengetahuan, sejarah, sastera dan juga budaya seni di seluruh dunia. Kompleksiti dalam struktur penulisan lirik beliau dikukuhkan lagi dengan kecenderungannya menggunakan bahasa baku dan klasikal, berbanding penggunaan bahasa pasar dan slanga yang sangat sinonim dalam kalangan rapper tempatan.

Latar Belakang Kajian

Dalam kajian ini, lagu Malique yang akan dikaji dengan lebih mendalam adalah *Pejamkan Mata* (2016) yang merupakan sebuah kolaborasi dengan penyanyi Dayang Nurfaizah sebagai *lead single* dalam album *TKO: Pejamkan Mata* (2016). Rocka (2017) mendeskripsikan lagu ini sebagai perjalanan hidup seorang insan yang dibelenggu obligasi; bagaimana penyanyi sering ditindas dan dia tidak mempunyai sebarang kuasa untuk menentang orang atasan. Kesengsaraan hidup ini akhirnya cuba untuk dileraikan melalui mesej utama lagu, "pejamkan mata" yang bukan bertujuan untuk tidur atau berehat, tetapi pejamkan mata untuk mengenal diri secara mendalam dan membebaskan diri daripada porak peranda duniawi.

Kajian ini akan menggunakan Teori Retorik Moden (1993) yang telah diasaskan oleh Enos dan Brown. Menurut Muhammad Mazlan bin Abu Bakar (2015), retorik dapat disifatkan sebagai satu teknik penulisan atau pengucapan yang berunsurkan ideologi dan propaganda dengan tujuan memujuk dan mempengaruhi pemikiran masyarakat untuk menerima pandangan mereka. Pentingnya

teknik retorik dalam sesuatu penulisan kerana ia akan menjadikan penulisan lebih menarik sekaligus mampu mempengaruhi pembaca. Dalam merealisasikan teknik ini, beberapa kemahiran linguistik juga perlu dikuasai seperti kemahiran tatabahasa, kemahiran berfikir secara kritis, kemahiran menggunakan pelbagai lengkok dan rencam bahasa serta kemahiran mengaplikasikan pelbagai teknik penulisan. Kaedah analisis terhadap penulisan lirik lagu Malique pula akan menjurus kepada analisis secara tekstual, dan data akan dikumpul secara kualitatif, iaitu suatu pendekatan untuk memahami konsep, pemikiran, dan pengalaman seseorang artis melalui penulisan karya kreatif (Shuhairy Norhisham, 2019).

Pernyataan Masalah

Zulieda Azni dan Wan Amizah Wan Mahmud (2020) menyatakan bahawa kualiti sesebuah karya lagu adalah bergantung dengan penerimaan masyarakat terhadap mesej-mesej yang ingin disebarkan melalui lirik lagu tersebut. Ini kerana lirik lagu merupakan wadah untuk menyampaikan kisah ataupun buah fikiran artis dalam lagu tersebut. Perkaitannya dengan penerimaan masyarakat pula adalah kerana kualiti lirik yang bagus mampu mempengaruhi jiwa pendengar, dan unsur emosi serta pengetahuan yang diterapakan dalam penulisan lirik mampu menyampaikan pesanan berguna kepada masyarakat.

Meskipun muzik rap merupakan genre yang sangat mementingkan kualiti penulisan lirik dan berorientasikan elemen gaya bahasa seperti penggunaan rima dan *wordplay*, masyarakat masih lagi skeptikal terhadap genre muzik ini. Banyak stigma negatif yang melibatkan muzik rap seperti muzik rap telah mencemarkan bahasa kebangsaan dan merosakkan jati diri anak muda. Nurhuda Mohamed (2009) beranggapan bahawa penggunaan unsur-unsur rap ke dalam lagu Melayu memberikan perkembangan yang tidak baik dalam penggunaan bahasa Melayu kerana golongan pendengar akan terikut untuk mengamalkan penggunaan bahasa Melayu yang “rosak”.

Melihatkan kepada perkembangan muzik rap di Malaysia seiring zaman, dan pengaruhnya terhadap pendengar tempatan, telah banyak kajian lepas yang menyentuh tentang analisis penulisan lirik dalam kalangan artis rap. Sebagai contoh, kajian Zulieda binti Azni dan Wan Amizah Wan Mahmud (2020), Muhammad Zaid bin Daud (2018), Noorhaqmal Mohamed Noor (2022), dan Nurhuda Mohamed (2009) yang menumpukan lirik lagu rap sebagai subjek kajian mereka, termasuklah penulisan lirik oleh Malique.

Walau bagaimanapun, kajian-kajian yang lepas terlalu memfokuskan kepada analisis lirik secara semantik, iaitu pencarian maksud di sebalik setiap perbendaharaan kata atau glosari dalam lirik lagu rap secara literal dan leksikal. Ini berbeza dengan teknik retorik moden oleh Enos dan Brown (1993) yang lebih berfokuskan seni pemilihan bahasa secara menyeluruh untuk menyampaikan sesuatu maksud atau tujuan dengan lebih efektif serta mengambil kira kaedah pemujukan, penyampaian ideologi dan propaganda yang mampu mempengaruhi emosi dan pemikiran orang ramai.

Stigma masyarakat terhadap kualiti penulisan lirik lagu rap di Malaysia serta kekurangan kajian secara retorik terhadap penulisan lirik lagu rap telah membuka ruang kepada pencarian objektif kajian kertas ini, iaitu bagi meneroka teknik penulisan retorik moden Enos dan Brown (1993) dalam lirik lagu Malique: *Pejamkan Mata* (2016) dan juga bagi menganalisis aspek gaya bahasa retorik moden Enos dan Brown (1993) dalam penulisan lirik lagu Malique: *Pejamkan Mata* (2016).

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

1. Meneroka teknik penulisan retorik moden Enos dan Brown (1993) dalam lirik lagu Malique: *Pejamkan Mata* (2016).
2. Menganalisis aspek gaya bahasa retorik moden Enos dan Brown (1993) dalam penulisan lirik lagu Malique: *Pejamkan Mata* (2016).

Hasil dapatan kajian ini akan membuka ruang yang lebih luas dalam cabang kajian penulisan lirik kerana mengambil kira kaedah analisis penulisan secara menyeluruh dan bukannya satu-persatu. Walaupun tidak dinafikan kaedah secara semantik ataupun secara literal adalah penting bagi kita memahami maksud satu-satu lirik tersebut, interpretasi lirik boleh menyimpang dari maksud sebenar sekiranya kita terlalu memfokuskan analisis maksud secara tersurat sahaja tanpa menggabungkan keseluruhan perkataan tersebut mengikut konteks yang sepatutnya. Kepentingan kajian ini juga mampu membuktikan bahawa kualiti sesebuah lirik bukan sahaja diukur berdasarkan pemilihan kosa kata yang bombastik dan puitis, tetapi dengan mengambil kira bagaimana penulis lirik tersebut membawa bahasa mereka dalam menyampaikan maksud sebenar dan bagaimana pemilihan bahasa tersebut mampu meninggalkan impak terhadap pendengar.

Skop kajian hanya akan tertumpu kepada teknik penulisan retorik moden dalam lirik lagu Malique *Pejamkan Mata* (2016). Kajian ini juga hanya berlandaskan kepada teori retorik moden oleh Enos dan Brown (1993) dan akan menjurus kepada empat aspek iaitu naratif, pemerian, eksposisi, dan penghujahan.

Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah analisis tekstual iaitu pengumpulan data berbentuk penulisan teks lirik. Dengan menggunakan kaedah ini, pengkaji perlu banyak membaca, meneliti dan memahami lirik-lirik lagu Malique yang terpilih serta mengenalpasti jenis retorik yang digunakan dalam setiap lagu tersebut. Pada masa yang sama, pengkaji juga perlu membuat kajian dengan lebih mendalam terhadap Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993), dan signifikannya dalam penulisan lirik lagu.

Terdapat beberapa pendekatan dalam mengaplikasikan teknik retorik dalam penulisan lirik; antaranya termasuklah retorik naratif, iaitu gaya penulisan yang mempunyai jalan penceritaan dan bertujuan untuk menerangkan sesuatu. Seterusnya, retorik pemerian iaitu teknik menerangkan, memperincikan sesuatu perkara, peristiwa atau situasi tertentu dengan pengamatan yang halus dan puitis. Retorik eksposisi pula merupakan teknik mendedahkan sesebuah konsep, pandangan, isu, ataupun buah fikiran penulis serta menerangkan perkara tersebut kepada pihak pendengar. Akhir sekali, retorik penghujahan iaitu teknik penulis dalam menyampaikan kebenaran pendapatnya, sama ada menyokong, menentang ataupun bersifat neutral terhadap sesuatu isu. Pendekatan ini kebiasaannya akan dibelakangi dengan fakta dan bukti yang konkrit berbanding bermain dengan emosi semata-mata.

Kesemua jenis retorik ini telah diaplikasikan dalam penulisan lirik lagu Malique. Oleh itu, objektif kajian adalah bagi meneroka teknik penulisan retorik moden Enos dan Brown (1993) dalam lirik lagu Malique: *Pejamkan Mata* (2016). Pengkaji juga akan menganalisis aspek gaya bahasa retorik moden Enos dan Brown (1993) dalam penulisan lirik lagu Malique iaitu *Pejamkan Mata* (2016). Kajian ini akan menggunakan kaedah pengumpulan data secara kualitatif, iaitu pengkaji akan

menganalisis teknik retorik yang menjurus kepada empat jenis sahaja, iaitu naratif, pemerian, eksposisi dan penghujahan.

Dapatan Kajian

Retorik Naratif

Penulisan lirik lagu Pejamkan Mata oleh Malique mempunyai tema spiritualiti yang amat kuat serta menggunakan penggunaan kosa kata baku dan puitis. Retorik naratif dapat dilihat seawal baris pertama lagu:

Sayang...

Seperti kebanyakan lagu beliau, penulisan lirik Malique sentiasa dimulakan dengan ayat pembuka kata atau pun “*intro*”, dan penulis Malique didapati cenderung untuk mengulang lirik ini pada bahagian awal dan juga pengakhiran lagu; memberikan kesan kronologi kepada pendengar. Ini bertepatan dengan konsep retorik naratif yang mengandungi struktur penceritaan dari segi pendahuluan, perkembangan cerita, konflik dan juga peleraian (Nurulain Abdul Razak dan Che Ibrahim Salleh, 2016).

Sebermula maka dipaksa diam
Dengar, patuh dan terpaku tunduk
Selesaikan di bawah, sujudnya rujuk telunjuk

Rangkap seterusnya pula menandakan bermulanya naratif lagu apabila Malique memulakan nyanyian rap beliau dengan perkataan “sebermula” yang merupakan pembuka kata untuk sesuatu kisah atau peristiwa. Umumnya, lirik ini mengisahkan tentang lumrah kehidupan manusia yang sering dididik untuk patuh dan mendengar arahan sejak daripada kecil lagi. Lirik ini juga menyentuh aspek agama dan kepercayaan, iaitu fitrah manusia sebagai hamba yang sering kembali kepada Allah bagi memohon petunjuk daripada-Nya melalui perbuatan ibadah dan doa. Nurulain Abdul Razak dan Che Ibrahim Salleh (2016) berpendapat bahawa isu-isu berat seperti isu sosial dan keagamaan sering diketengahkan melalui teknik retorik naratif.

Aku terdengar suara itu lagi
Dari tenggara namaku diseru

Disuruh hembusnya lilin di setiap empat penjuru
Katanya mata penamu tak mencoret solusi
Kata magismu takkan mampu cetus revolusi

Naratif seterusnya juga dapat dilihat dalam rangkap di atas yang merupakan bahagian kedua lagu selepas korus pertama. Berdasarkan interpretasi rangkap ini, Malique telah menceritakan bagaimana beliau sering dikritik oleh “suara” pihak-pihak tertentu berkenaan pendekatannya dalam seni muzik. “Suara” tersebut menjadi lebih spesifik dalam baris seterusnya, di mana Malique mengatakan suara-suara kritikan tersebut datang dari tenggara; atau mengikut konteks geografikal, pihak yang berasal dari Asia Tenggara iaitu masyarakat tempatan sendiri yang tidak menyokong industri muzik tempatan dan pendekatan muzik Malique. Perlambangan “lilin” dalam baris seterusnya pula amat sinonim dengan konsep spiritualiti. Bimo Aria Fundrika (2020) mentafsirkan lilin sebagai simbol harapan, kebijaksanaan, pencerahan dan pencarian kebenaran. Oleh itu, apabila lirik menceritakan keadaan Malique yang disuruh untuk menghembus lilin di setiap empat penjuru, para pengkritik tersebut telah pun menggesa Malique untuk menghentikan sekali gus segala usaha

beliau dalam menyedarkan masyarakat dan mengubah pemikiran mereka melalui penulisan beliau yang digambarkan melalui ayat “mata pena” dan “kata magis”. Penggunaan bahasa figuratif sebegini telah dijelaskan oleh Nurulain Abdul Razak dan Che Ibrahim Salleh (2016) sebagai salah satu teknik retorik naratif yang bersifat imaginatif.

Tuntasnya, penggunaan retorik naratif dalam lagu *Pejamkan Mata* (2016) amat ketara dan wujud dalam setiap bahagian lagu sama ada dari segi penyusunan kronologi lirik lagu tersebut mahu pun konteks penceritaan dalam lirik itu sendiri. Struktur-struktur penceritaan, penekanan terhadap isu-isu kehidupan yang berat serta penggunaan bahasa figuratif telah didapati melalui analisis retorik naratif terhadap lirik lagu ini.

Retorik Pemerian

Tenagamu kencana ku katanya fitrah gawai
Kedanamu ketawaku dekahnya hingga sawai

Berdasarkan rangkap di atas, retorik pemerian dapat dikenal pasti apabila lirik memerihalkan tentang hubungan kapitalisme di antara majikan dengan pekerja. “Fitrah gawai” merupakan sifat seorang pegawai atau majikan yang suka apabila pekerja mereka bekerja keras, tetapi hakikatnya segala hasil kekayaan yang diperoleh melalui kerja keras tersebut hanya akan berbalik kepada para majikan – dan pekerja mereka akan terus miskin dan dieksploitasi oleh pihak atasan. Penggunaan istilah “tenagamu kencana ku” dan “kedanamu ketawaku” yang bertentangan antara satu sama lain merupakan pemilihan kata yang tepat dalam menerangkan situasi tersebut melalui retorik pemerian seperti yang dinyatakan oleh Husna Hidayah Mansor *et al.*, (2018).

Berontak, dongak, lembayung ku ternampakkan
Si hering menyorak, ngoyak awan canggung dan berantakan

Rangkap seterusnya pula menggambarkan perihal refleksi seseorang insan yang mula sedar akan kehidupannya yang ditindas dan timbul keinginan untuk memberontak. Istilah “lembayung” dan “awan”, serta konteks mendongak ke atas boleh ditafsirkan sebagai watak tersebut melihat awan pada waktu senja yang berwarna lembayung (merah ungu), dan waktu senja itu pula boleh menggambarkan situasi hidupnya yang suram dan hampir menuju pengakhiran (sama seperti waktu peralihan senja kepada waktu malam yang gelap). Seterusnya, perlambangan “si hering” juga agak lazim dalam tema spiritualiti, iaitu burung hering sebagai lambang kitaran kehidupan dan kematian, serta kelahiran semula (Animal Hype, 2022). Oleh itu, konsep kitaran hidup melalui perlambangan burung hering serta kitaran waktu melalui perlambangan lembayung dan awan telah menguatkan lagi retorik pemerian dalam rangkap ini.

Katanya tanggal tali leher itu
Cukuplah seharian digembala
Lupuskan logarhythm yang menghantui kepala
Dalam tafakur, akur, sadur mimpi yang dikabur
Karektor kartun kantor dan karikatur diktator

Rangkap di atas memerihalkan keadaan watak yang dinasihati supaya membebaskan diri daripada beban pekerjaan yang membelenggu dirinya sendiri melalui penggunaan istilah “tali leher”, “digembala”, “karektor kartun kantor” dan “karikatur diktator”. Logarithma pula secara matematikal boleh dikaitkan dengan perihal gaji apabila konteks keseluruhan rangkap yang berkaitan dengan alam pekerjaan diambil kira. Jee (2022) mendefinisikan logarithma sebagai jumlah satu nombor spesifik yang diperlukan untuk mencapai jumlah nombor tertentu yang jauh lebih besar bilangannya. Oleh itu,

dalam konteks pekerjaan, logaritma dapat ditafsirkan sebagai bilangan gaji mengikut jam dan dalam konteks lirik pula watak telah dinasihati agar melupakan beban bekerja hanya demi mendapatkan sejumlah gaji tersebut kerana hanya akan memeningkan kepalanya.

Mengakhiri analisis retorik pemerian dalam lagu ini, penggunaan retorik pemerian jenis imaginatif telah digunakan dalam semua lirik yang mengandungi retorik pemerian. Menurut Husna Hidayah Mansor *et al.* (2018), pemerian imaginatif lebih kepada penerangan yang menggunakan daya imajinasi seperti dalam bentuk dialog atau penceritaan bagi menimbulkan kesan imajinasi dan gambaran situasi kepada khalayak ramai terhadap sesuatu perkara agar mereka mampu menghayatinya.

Retorik Eksposisi

Aku terdengar suara itu lagi
Dari tenggara namaku diseru
Disuruh hembusnya lilin di setiap empat penjuru
Katanya mata penamu tak mencoret solusi
Kata magismu takkan mampu cetus revolusi
Manusia kan sentiasa menyakiti
Yang tak membunuh buatmu kebal sehari lagi

Penggunaan retorik eksposisi dalam dilihat pada dua baris terakhir rangkap di atas, apabila lirik mengandungi penjelasan yang lebih lanjut mengenai situasi yang berlaku pada baris sebelumnya, iaitu para pengkritik yang menggesa Malique untuk menghentikan segala usaha beliau dalam menyedarkan masyarakat dan mengubah pemikiran mereka melalui penulisan lirik beliau. Baris seterusnya kemudian menjelaskan tentang fitrah manusia yang sememangnya bersifat hasad dengki dan tidak suka melihat orang lain berjaya; dan bagaimana kita harus tabah menghadapi sifat manusia sebegini agar terus maju ke hadapan dalam apa-apa jua yang kita ingin pertahankan. Teknik interpretasi ini selari dengan teknik retorik eksposisi yang dinyatakan oleh Sobariah Baharom (2008), iaitu retorik eksposisi sebagai teknik penulis dalam menyampaikan idea atau pandangan mereka serta bagi menginterpretasi sesebuah peristiwa. Menurut pengkaji lagi, retorik eksposisi turut diterapkan dalam proses menggunakan jenis-jenis retorik yang lain; dan kombinasi ini boleh kita lihat dalam rangkap di atas apabila baris pertama hingga kelima merupakan retorik pemerian untuk menggambarkan situasi yang berlaku dan baris keenam dan ketujuh pula retorik eksposisi bagi menghuraikan atau menjelaskan lagi situasi tersebut.

Ringkasnya, penggunaan retorik eksposisi dalam lirik lagu *Pejamkan Mata* (2006) ini adalah tidak kerap berbanding jenis retorik yang lain tetapi pendekatan eksposisi yang diterapkan bersama retorik pemerian dalam rangkap di atas sangat efektif dalam menginterpretasikan situasi yang digambarkan di dalam lirik lagu tersebut dengan lebih terperinci.

Retorik Penghujahan

Pejamkan mata
Mata yang lesu itu
Dan mimpikan yang indah
Mimpikan aku
Biarkan gelita
Menghapus derita
Pejamkanlah matamu

Retorik penghujahan dapat dilihat pada korus lagu seperti pada rangkap di atas. Lirik lagu mengandungi ayat yang bersifat memujuk agar pendengar memejamkan mata mereka yang lesu yang merupakan metafora kepada keadaan fizikal atau luaran individu yang terseksa serta melupakan segala penderitaan yang mereka alami di dunia realiti. Dengan mengaplikasikan tiga unsur prima dalam penulisan retorik penghujahan seperti yang digagaskan oleh Mohd Sidin Ahmad Ishak (di dalam kajian Dewi Hj Samri dan Haziq Aisha, 2021), aspek penghujahan dalam lirik ini dapat diukur.

1. Kenyataan tesis yang perlu disokong:

Pejamkan mata
Mata yang lesu itu

2. Premis kenyataan atau alasan:

Dan mimpikan yang indah
Mimpikan aku
Biarkan gelita
Menghapus derita

3. Golongan sasaran yang merupakan golongan individu yang sering merasa tertekan dengan ujian hidup dan mendambakan ketenangan jiwa.

Ayat yang bersifat memujuk ini juga boleh dilihat pada rangkap di bawah:

Kembalikan senyuman
Serimu yang dulu
Kembali ke dakapan
Ku perlindunganmu
Walaupun gerhananya
Seakan tak berakhir
Selagi ku di sisi
Tak usah khuatir

Berdasarkan rangkap di atas, lirik mengandungi ayat yang berbentuk rayuan agar pendengar mengingat kembali perkara-perkara kecil dalam hidup yang membuatkan mereka gembira serta memberi reasuransi meskipun ujian hidup yang melanda belum berakhir, selagi mereka berpegang pada perkara-perkara tersebut, mereka akan sentiasa berasa bahagia. Teknik rayuan ini seperti yang telah dihuraikan oleh Dewi Hj Samri dan Haziq Aisha (2021), iaitu sebagai suatu usaha memujuk atau meyakinkan yang berbentuk rayuan agar pendengar akan lebih terpengaruh untuk mempercayai setiap pendapat yang disampaikan kepada mereka.

Tuntasnya, penggunaan retorik penghujahan dalam lagu ini adalah lebih banyak dalam bentuk rayuan dan bersifat memujuk serta hanya boleh didapati pada bahagian korus dan *bridge* sahaja, iaitu semua bahagian yang dinyanyikan oleh Dayang Nurfaizah. Oleh kerana itu, keseluruhan konteks lirik terbabit adalah bersifat lebih umum dan tidak spesifik kepada mana-mana penceritaan; sebaliknya merangkumkan mesej yang cuba disampaikan oleh Malique pada rangkap-rangkap yang lain.

Melihat kepada penilaian secara keseluruhan analisis retorik moden dalam lagu *Pejamkan Mata* (2016), terdapat pendekatan yang spesifik dalam setiap jenis retorik yang digunakan; seperti retorik pemerian yang menggunakan jenis pemerian imaginatif sepenuhnya dan retorik penghujahan yang menggunakan ayat-ayat bersifat memujuk. Penggunaan istilah-istilah yang spesifik juga memberikan kesan imaginatif yang mendalam serta membantu penulis dalam menyampaikan pemikiran dan pandangan beliau dengan lebih deskriptif.

Kesimpulan

Muzik memberikan impak yang sangat mendalam terhadap kehidupan manusia, kerana ia mampu mempengaruhi perasaan, menggerakkan pemikiran serta berfungsi sebagai hiburan kepada segenap masyarakat. Melalui penulisan lirik lagu yang berkualiti, para pendengar mampu memperoleh input yang bermanfaat melalui konteks yang disampaikan – dan ketika itu muzik bukan lagi sekadar hiburan picisan semata-mata. Oleh itu, penerapan teknik retorik dalam penulisan lirik lagu merupakan pendekatan yang terbaik dalam mengekalkan kualiti penulisan lirik serta menjamin keberkesanan dalam penyampaian mesej dan keseluruhan impaknya terhadap pendengar. Apabila sesebuah karya seni itu disampaikan dengan berkesan, maka impaknya akan dapat dirasa, dilihat dari segi perubahan pemikiran serta tindakan masyarakat ke arah yang lebih positif.

Berdasarkan analisis terhadap lagu Malique yang telah dikaji dengan berlandaskan teori retorik moden oleh Enos dan Brown (1993), didapati lagu *Pejamkan Mata* (2016) mempunyai teknik penulisan retorik moden Enos dan Brown (1993). Penulis lirik Malique telah menggunakan retorik moden sebagai salah satu pendekatan dalam penulisan lirik beliau di dalam lagu yang dikaji. Bukan itu sahaja, kesemua empat aspek retorik moden juga telah dikenal pasti dalam lagu *Pejamkan Mata* (2016), iaitu retorik naratif, retorik pemerian, retorik eksposisi dan retorik pengujahan. Secara keseluruhannya, penulisan lirik lagu *Pejamkan Mata* (2016) adalah lebih kepada penggunaan retorik pemerian yang spesifik kepada pemerian jenis imaginatif bagi memberikan kesan imaginatif yang mendalam, sesuai dengan tema lagu “pejamkan mata” yang membawa konotasi meninggalkan alam realiti dan mencari kebahagiaan hakiki dari segi rohani.

Akhir kata, hasil dapatan kajian ini mampu memberi perspektif baharu dalam cabang kajian penulisan lirik kerana metode kajiannya yang mengambil kira kaedah analisis penulisan lirik secara menyeluruh dan bukannya pentafsiran makna kata secara satu-persatu. Hal ini demikian kerana, interpretasi lirik boleh menyimpang dari maksud sebenar sekiranya metodologi kajian hanya melihat kepada analisis maksud secara tersurat sahaja tanpa menggabungkan keseluruhan perkataan tersebut mengikut konteks yang sepatutnya. Penggunaan retorik moden Enos dan Brown (1993) yang menjurus kepada seni pemilihan bahasa secara menyeluruh dalam menyampaikan sesuatu maksud atau tujuan dengan lebih efektif telah mengukuhkan lagi proses kajian ini. Selain itu, kepentingan kajian ini terhadap industri muzik adalah mampu menghapuskan stigma negatif terhadap genre muzik rap di Malaysia terutamanya stigma bahawa muzik rap telah mencemarkan bahasa kebangsaan dan merosakkan jati diri anak muda seperti yang dikemukakan oleh Nurhuda Mohamed (2009). Hal ini demikian kerana, genre muzik rap merupakan genre yang sangat mementingkan kualiti penulisan lirik dan berorientasikan pelbagai elemen gaya bahasa termasuklah gaya bahasa retorik. Hasil kajian juga mampu membuktikan bahawa kualiti penulisan sesebuah lirik bukan sahaja diukur berdasarkan pemilihan kosa kata yang bombastik dan puitis, tetapi dengan mengambil kira bagaimana penulis lirik tersebut membawa bahasa mereka dalam menyampaikan maksud sebenar dan bagaimana pemilihan bahasa tersebut mampu meninggalkan impak terhadap pendengar.

Rujukan

- Bimo Aria Fundrika. (28 Mei, 2020). *4 arti mimpi tentang lilin, benarkah simbol harapan?* Suara Media. <https://www.suara.com/lifestyle/2020/05/28/061500/4-arti-mimpi-tentang-lilin-benarkah-simbol-harapan?page=1>
- Biography - Malique*. (2017). MLQ Entertainment. <https://mlqentertainment.com/home>
- Dewi Hj Samri & Haziq Aisha. (2021). Penggunaan bahasa retorik dalam pewahanaan informasi COVID-19 di negara. *Southeast Asia: A Multidisciplinary Journal*, 21(22), 112-113. Doi: <https://fass.ubd.edu.bn/SEA/index.html>
- Fnd Rocka. (1 Mei, 2017). *Maksud dan pemahaman di sebalik Pejamkan Mata - Malique feat Dayang*. Nota Purba. <http://www.notapurba.com/>
- Husna Hidayah Mansor, Nor Azuwan Yaakob & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2018). Retorik pemerian dalam ceramah agama. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 6(2), 32-37. Doi: <https://doi.org/10.17576/jatma-2018-0602-03>
- Jee. (2022). *Logarithm - definition and types*. Vedantu. <https://www.vedantu.com/maths/logarithm-definition-and-types>
- Muhammad Mazlan Abu Bakar. (2015). *Retorik pembangunan sosioekonomi masyarakat dalam laporan media* [Doctoral dissertation, Universiti Putera Malaysia]. Universiti Putra Malaysia Institutional Repository. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/57439/>
- Muhammad Mazlan Abu Bakar & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2016). Retorik pembangunan sosioekonomi masyarakat dalam laporan media cetak. *Jurnal Linguistik*, 20(1), 10-11. Doi: <http://studentsrepo.um.edu.my/9061/>
- Muhammad Zaid Daud. (2017). *Slanga kedai kopi: Satu analisis semantik inkuisitif* [Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Sarawak]. Universiti Malaysia Sarawak Institutional Repository. <http://ir.unimas.my/id/eprint/26683>
- Mustazah GP. (7 November, 2019). *Biodata dan latar belakang rapper Malique Ibrahim (Too Phat)*. Iluminasi. <https://iluminasi.com/bm/biodata-dan-latar-belakang-rapper-tersohor-malique-ibrahim.html>
- Noorhaqmal Mohammed Noor. (11 Januari, 2022). *Rima rap mesej berpengaruh*. Academia. https://www.academia.edu/4946349/Noorhaqmal_Rima_Rap_Mesej_Berpengaruh
- Nurhuda Mohamed. (2009). Rap memberi nafas baharu kepada bahasa Melayu. *Jurnal Akademik Persatuan Budaya Melayu Program Latihan Khas (Bahasa Ibunda)*, 9(2), 39-40. Doi: [13-57-1-PB-with-cover-page-v2.pdf \(d1wqtxts1xzle7.cloudfront.net\)](https://doi.org/10.17576/jatma-2009-0902-03)
- Nurulain Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh. (2016). Retorik naratif dalam novel “*Orang Kota Bharu*”. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 4(2), 16. Doi: <http://dx.doi.org/10.17576/IMAN-2016-0402-02>
- Nurulain Abdul Razak, Che Ibrahim Salleh & Hashim Musa. (21 Disember, 2016). Titah ucapan pembukaan dewan undangan negeri Kelantan oleh Sultan Muhammad V: Satu analisis

retorik. *Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu*, 3(1), 79. Doi: 20170620100531MAHAWANGSA_Vol_3(1)_Jun_2016_(21_Dec_2016)_1).pdf (upm.edu.my)

Pejamkan Mata: Malique. (22 Disember, 2017). Genius. <https://genius.com/Malique-pejamkan-mata-lyrics>

Shuhairy Norhisham. (15 November, 2019). *Metodologi: Pendekatan kuantitatif vs kualitatif*. Pascasiswazah.

<https://www.pascasiswazah.com/metodologi-pendekatan-kuantitatif-vs-kualitatif/>

Sobariah Baharum. (2008). *Retorik dalam novel-novel Abdullah Hussain* [Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia]. Universiti Putra Malaysia Institutional Repository.

<http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/4799>

Vulture symbolism and meaning: totem, spirit and omens. (2022). Animal Hype.

<https://animalhype.com/symbolism/vulture/#:~:text=%20Vulture%20Symbolism%20and%20Meaning%20%28Totem%2C%20Spirit%20and,totem%20is%20often%20perceived%20as%20a...%20More%20>

Zulieda Azni & Wan Amizah Wan Mahmud. (2020). Representasi sosial masyarakat dalam lirik lagu Aman RA. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(3), 2. Doi:

<https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/315>